

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci hasil dapatkan daripada kajian soal selidik dalam talian mengenai 'Pengambilan Alkohol dan Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Lebih Tegas Terhadap Kesalahaan Memandu Dalam Keadaan Mabuk' yang dilaksanakan pada 21 Mei hingga 4 Jun 2020.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan satu perkara yang amat dipandang serius oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Perkara ini jika tidak dibendung dengan serius, akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai dan pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah.
2. Dalam usaha menangani isu ini serta aspek keselamatan jalan raya secara amnya, pendekatan dan strategi yang holistik adalah diperlukan bagi memastikan usaha ini berjaya dan mencapai objektifnya. Dalam hal ini, skop tanggungjawab Kementerian Pengangkutan adalah tertumpu kepada aktiviti advokasi, program pendidikan, penetapan peraturan dan penguatkuasaan.
3. Jesteru itu, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] akan dipinda bagi meningkatkan hukuman-

hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan raya termasuk memandu dalam keadaan mabuk. Bacaan pertama Rang Undang-Undang ini telah pun dilaksanakan pada sesi parlimen pada 27 Julai 2020 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga turut dijadualkan dalam sesi parlimen kali ini.

4. Secara spesifik, pindaan seksyen 41 hingga seksyen 45 merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara melulu, termasuk merempit.
5. Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan soal selidik atas talian mengenai perkara ini mulai 21 Mei 2020 sehingga 4 Jun 2020 yang lepas. Berdasarkan kepada dapatan responden seramai 345 ribu orang.
6. Hampir 97% responden memberikan maklum balas yang positif dan bersetuju bahawa kuantum hukuman sedia ada tidak memadai. Sebagai contoh, seramai 324,489 iaitu 94% responden bersetuju agar kadar hukuman penjara, denda dan tempoh hilang kelayakan lesen memandu ditingkatkan ke atas pemandu yang disabitkan kesalahan dalam keadaan pemanduan mabuk.
7. Selain daripada pindaan ke atas hukuman sedia ada, saya juga telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi utama termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan MIROS untuk menggiatkan lagi aktiviti advokasi dan program pendidikan keselamatan jalan raya. Dalam pelaksanaan program-program sebegini, saya menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO, pengusaha premis minuman/makanan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam dan lain-lain untuk untuk bekerjasama dengan Kementerian bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia. Saya percaya pelbagai program, kemudahan dan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya dengan sokongan dan penglibatan semua pihak.
8. Kementerian Pengangkutan berharap agar Rang Undang-Undang Pindaan yang akan dibentangkan di dalam dewan ini akan mendapat sokongan daripada semua ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]**

**SOALAN NO. 475**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan data dan kes berkaitan impak nyata terhadap mental dan psikologi kepada orang ramai yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan Talian Sokongan Psikososial yang bermula semenjak 25 Mac 2020 dengan kerjasama MERCY Malaysia. Selain itu, agensi kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut juga mewujudkan talian bantuan masing-masing iaitu KSK Care (JAKIM) dan Talian KASIH. Secara keseluruhannya, sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu daripada 25 Mac 2020 hingga 3 Julai 2020, jumlah panggilan yang diterima oleh Talian Sokongan Psikososial KKM-MERCY dan agensi-agensi tersebut adalah sebanyak 10,750 panggilan.
  
2. Secara kebiasaananya, seorang pemanggil mempunyai lebih daripada satu isu dan antara isu-isu yang dialami oleh pemanggil adalah seperti:

**SOALAN NO. 475**

- a) 50% adalah isu yang memerlukan sokongan emosi, dan kaunseling seperti stres, risau dan putus harapan;
  - b) 17% memohon maklumat berkaitan COVID-19;
  - c) 8.0% adalah isu rumah tangga termasuk penderaan dan keganasan rumah tangga;
  - d) 7.4% adalah masalah kewangan dan isu bantuan kewangan serta sumbangan; dan
  - e) 3.4% adalah masalah psikiatri.
3. Selain itu, sebab-sebab lain yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling antaranya adalah faktor-faktor sosial seperti hilang pekerjaan, tiada sumber pendapatan, masalah hubungan interpersonal, isolasi dan pengurangan akses kepada perkhidmatan bantuan sewaktu PKP.

Sekian, terima kasih.